

SEKILAS

Geran \$45j tampung kos guna sistem pengurusan maklumat kesihatan

Bagi membantu penyedia khidmat kesihatan memenuhi keperluan mandatori di bawah Akta Maklumat Kesihatan, Kementerian Kesihatan (MOH) telah memperuntuk sehingga \$45 juta dalam tempoh empat tahun akan datang untuk menyediakan sokongan pemberian dana sekali sahaja.

Bermula Julai 2026, penyedia perkhidmatan boleh mula memohon pembiayaan melalui Geran Sambungan NEHR (NCG), yang bertujuan menampung kos penggunaan sistem pengurusan maklumat kesihatan yang dipera-kui, atau mempertingkatkan sistem sedia ada mereka bagi memenuhi keperluan akta tersebut.

Warga emas boleh daftar khidmat Penjagaan Peribadi Di Rumah Yang Dipertingkat (HPC+)

Perkhidmatan HPC+ menyokong warga emas uzur untuk menua dengan baik di rumah melalui pemantauan berasaskan teknologi 24 jam bagi mengesan jika terjatuh dan kejadian tidak diingini.

Warga emas juga akan menerima bantuan bagi kegiatan kehidupan harian, seperti mengemas rumah dan mandi.

Lebih 5,600 warga emas dijangka meraih manfaat daripada HPC+.